

20/08/1998

Murtad: Islam larang tindakan melulu

KUALA LUMPUR, Rabu - Islam melarang umatnya mengambil tindakan melulu kepada mereka yang keluar agama (murtad) selagi orang itu tidak mencaci dan mengkhianati Islam, kata Sheikh Al-Azhar, Dr Muhammad Sayyed Tantawi.

Beliau menegaskan, pembalasan terhadap golongan murtad adalah atas kesalahan memaki hamun atau merosakkan Islam, bukan atas dasar perpindahannya daripada Islam ke agama lain.

Berdasarkan sejarah, katanya, Nabi Muhammad hanya membiarkan sesiapa yang murtad di kalangan umatnya ketika itu.

"Pada zaman Nabi Muhammad, jika ada yang keluar Islam, Rasulullah biarkan. Tetapi kalau mereka menceritakan perkara buruk yang menghina Islam selepas itu, ketika itulah kita kena fikirkan tindakan terhadap mereka, bukan sebab mereka keluar Islam," katanya.

Beliau menjelaskan demikian dalam sesi soal jawab pada majlis Syarahan Umum dan Dialog di Pusat Islam, hari ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, menjadi perantara syarahan bertajuk 'Islam Agama Sederhana dan Mudah' itu. Hadir sama ialah kira-kira 500 orang terdiri daripada ulama tempatan, wakil kedutaan asing, pelajar serta pemimpin kanan jabatan kerajaan dan swasta.

Dr Muhammad, yang dalam lawatan ke sini atas undangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata apabila seseorang keluar daripada Islam, Allah sebenarnya mahu menyelamatkan umat Islam daripada orang sedemikian.

"Siapa orang yang meninggalkan Islam dan bertukar kepada akidah lain? Mereka ini ialah yang ketika keluar daripada Islam, Allah katakan kepada mereka, memadailah keburukan yang tidak menjangkit kepada orang lain.

"Selagi seseorang itu dalam keadaan murtad, memadailah Allah menghisab dan memberi ganjaran yang setimpal," katanya.

"Walau apapun, kita meminta kepada Allah, matikanlah kita di atas akidah Islam, dan jadikan Malaysia, Mesir dan alam Islam semuanya daripada lelaki dan wanita semua mati di atas agama Islam dan hidup di atas agama Islam hingga kita menemui Allah," tambahnya.

Dalam syarahannya sebelum itu, Dr Muhammad berkata, umat Islam dituntut memakmurkan bumi bagi membawa kebaikan kepada masyarakat sekalipun dunia sudah sampai ke penghujungnya.

"Sekalipun esok akan kiamat, tetapi jika kita ada biji kurma, umat Islam masih perlu berusaha untuk menanam biji kurma itu," katanya.

Mengenai keutamaan ilmu, Dr Muhammad berkata, persoalan berkaitan ilmu disentuh lebih 500 kali dalam al-Quran membuktikan betapa pentingnya ilmu bagi umat Islam.

Bagaimanapun, katanya, umat Islam disuruh menuntut ilmu yang menguntungkan umat Islam, bukan sebarang ilmu.

(END)